

Najib tak izin delegasi MOF ke Switzerland: Ahmad Husni

KUALA LUMPUR - Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa Datuk Seri Najib Tun Razak tidak mengizinkan delegasi Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dihantar ke Switzerland bagi membuktikan wang yang dibekukan adalah wang pinjaman daripada KWAP.

Ahmad Husni, saksi pendakwaan ke-56 berkata, beliau dimaklumkan bahawa terdapat dana pelaburan SRC International Sdn Bhd yang disimpan di sebuah bank di Switzerland telah dibekukan oleh kerajaan Switzerland atas kesalahan perubahan wang haram.

"Saya kemudiannya pergi bertemu dengan Datuk Seri Najib dan meminta keizinan untuk membawa delegasi daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara dan KWAP untuk membawa dokumen-dokumen bagi membuktikan bahawa wang tersebut adalah pinjaman daripada KWAP dan tidak sepatutnya dibekukan di

bawah kesalahan AMLA.

"Namun, Perdana Menteri tidak memberikan persetujuan kepada saya untuk bertindak sedemikian," katanya ketika membacakan penyataan saksi pada perbicaraan kes Najib yang didakwa atas tujuh tuduhan berhubung dana SRC berjumlah RM42 juta.

Katanya beliau juga dirujuk kepada satu dokumen iaitu "Letter of Guarantee Issued By Government of Malaysia in Favour of Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)" bertarikh 26 Ogos 2011.

"Saya sahkan bahawa ini merupakan surat jaminan kerajaan yang saya tandatangani seperti mana keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri yang meluluskan Memorandum Jemaah Menteri yang dibentangkan oleh Tan Sri Nor Mohamed Yakcop," katanya.

Ahmad Husni, berkata, Memorandum Jemaah Menteri yang dibentangkan oleh Nor Mohamed Yakcop telah diluluskan dan persetujuan diberikan untuk memberikan jaminan tersebut. - *Bernama*